

PEMILIHAN KURSUS ELEKTIF DALAM KALANGAN SISWA GURU DI IPG KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR

SELECTION OF ELECTIVE COURSES AMONG STUDENT TEACHERS IN INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION ILMU KHAS CAMPUS

¹*Syed Ismail Syed Mustapa, PhD*

²*Lye Guet Poh*

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

¹syed_ismail@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel kajian ini adalah 109 orang siswa guru semester 5 terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa guru menyedari kepentingan kursus yang diambil dengan catatan min 4.27 ($sp=.80$) dan berminat setelah mendengar taklimat dari pensyarah catatan min 4.10 ($sp=.94$). Seterusnya kajian juga menunjukkan bahawa tahap kandungan kursus elektif yang ditawarkan berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.39 ($sp=.47$). Selain itu kajian juga menunjukkan bahawa tahap kepakaran pensyarah berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.39 ($sp=.58$). Di samping itu kajian menunjukkan bahawa kesan keseluruhan bagi kursus elektif yang ditawarkan berada pada tahap rendah dengan catatan min 2.83 ($sp=.68$). Kajian ini membuktikan bahawa kursus yang diambil tidaklah memberi kesan yang besar kepada tumpuan siswa guru terhadap pelaksanaan praktikum. Oleh yang demikian, beberapa kekuatan dan cadangan untuk penambahbaikan yang dikemukakan oleh siswa guru terhadap pelaksanaan kursus elektif perlulah diteliti semula oleh IPG.

Kata Kunci: kursus elektif, kesan pembelajaran, siswa guru

ABSTRACT

This study was conducted to examine the factors that determine the selection of elective courses among student teachers at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus, Kuala Lumpur. The samples of this study consist of 109 students from Semester 5. This study adopted a quantitative approach using questionnaire as the main reference. The findings showed that student teachers were aware of the importance of the elective courses taken which recorded a mean score of 4.27 ($sp = .80$) and they became interested after listening to briefings from the lecturers with a mean score of 4.10 ($sp = .94$). The findings also showed that the level of the elective course content offered is at a high level with a mean of 4.39 ($sp = .47$). Additionally, the findings showed that the level of lecturers' expertise is at a high level, with a mean of 4.39 ($sp = .58$). However, the overall effect of the elective courses offered is at a low level with a mean of 2.83 ($sp = .68$). This study proves that the courses taken have no significant impact on their teaching practice. Therefore, some of the strengths and suggestions for improvement made by the student teachers towards the implementation of elective courses should be reviewed by the IPG.

Key words: elective courses, effects on learning, student teachers

Pengenalan

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bertanggungjawab untuk melatih bakal-bakal guru agar dapat menjadi seorang guru novis yang mantap dalam semua aspek keguruan. Justeru IPGM bertanggungjawab menawarkan pelbagai kursus pendidikan sama ada melalui kursus teras dan kursus elektif teras. Oleh kerana siswa guru bakal menjadi guru novis selepas tamat pengajian, maka pengetahuan terhadap subjek yang diajar, kesediaan mengajar, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pelaksanaan pengajaran di sekolah sangat perlu dikuasai oleh semua siswa guru.

IPG bertanggungjawab untuk menyediakan pengalaman pembelajaran bagi melahirkan insan guru yang profesional dan bersepadu (IPGM, 2017). Kurikulum pendidikan guru umumnya merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang memenuhi keperluan asas intelektual, emosi, rohani dan jasmani modal insan yang ingin dibangunkan. Kurikulum pendidikan yang direka bentuk dengan baik akan membantu dan memandu serta menjelaskan proses pendidikan yang dilaksanakan sama ada di sekolah atau di sesuatu institusi pendidikan tertentu termasuk Institusi Pendidikan Guru (IPG).

Kursus teras dan kursus elektif Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dirangka untuk memberi asas yang kukuh dalam teori dan pengetahuan yang sewajarnya dalam pengkhususan masing-masing. Kedua-dua kursus teras dan elektif memainkan peranan yang amat penting dalam menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan yang global serta kemahiran insaniah yang tinggi. Justeru, penguasaan pengetahuan dan pembinaan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan ketika mereka sedang mengikuti program latihan keguruan (IPGM, 2017).

Di samping itu juga pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru amat penting dan harus dibuat dengan pertimbangan yang teliti supaya kursus pilihan mereka dapat memberi manfaat yang maksima dari segi pembinaan watak guru ke arah menjadi guru permulaan yang berketrampilan. Menurut Kemp (2010), bakal guru bukan sahaja perlu menguasai dan melaksanakan kurikulum yang baharu diperkenalkan, malah perlu bersedia untuk membantu pelajar menguasai kehendak kurikulum dan menyediakan mereka untuk kegiatan akademik dan kerjaya masa depan.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif siswa guru terhadap pemilihan kursus elektif yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Terdapat tujuh kursus yang ditawarkan kepada siswa guru Semester 5. Kursus tersebut adalah Gaya hidup Sihat, Fiqh Kekeluargaan Islam, Keusahawanan, Didik Hibur Muzik, Seni Tiga Dimensi, Seni tari Malaysia dan Fotografi. Siswa guru yang memilih kursus elektif ini merupakan mereka yang mengikuti pengajian dalam Pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran (PKBD), Pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan (PKML), Pengkhususan Pendidikan Muzik (PMzk), Pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), dan Pengkhususan Pengajian Bahasa Inggeris (TESL).

Pernyataan Masalah

Secara umumnya, pensyarah sebagai pelaksana kurikulum seharusnya membuat anjakan minda dan amalan pemikiran yang bersesuaian dengan perubahan kurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Oleh yang demikian, perubahan kurikulum seharusnya diikuti oleh anjakan minda pelaksanaannya iaitu pensyarah dan guru untuk mendapatkan amalan yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Salehudin & Mahadi, 2005; Ahamad & Sidek, 2013). Sementara itu kualiti siswa guru, tidak kira lelaki atau perempuan merupakan halangan yang paling sukar untuk diatasi dalam sesuatu pelaksanaan kurikulum (Wan Harun, 2008).

Walaupun dikatakan kurikulum boleh berubah dan disesuaikan mengikut perkembangan semasa, namun begitu terdapat sebilangan pensyarah sebagai pelaksana belum mempunyai komitmen profesional yang kuat dalam menjalankan kurikulum di IPG (Noraini *et al.*, 2007; Amiza *et al.*, 2012). Seterusnya terdapat juga sebilangan pensyarah sebagai sebahagian daripada pelaksana kurikulum masih belum memiliki kefahaman dan kesediaan yang sepenuhnya sehingga melahirkan graduan yang tidak berkualiti dan tidak relevan dengan kehendak matlamat kurikulum (Amiza *et al.*, 2012).

Kajian oleh Sharifah dan Subahan (2007) juga mendapati bahawa pensyarah IPG belum sepenuhnya memahami perubahan kurikulum yang mereka laksanakan. Di samping itu kemahiran pensyarah untuk melaksanakan kurikulum tersebut juga perlu berubah (Burhanuddin, 2002). Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang rigid, penghasilan tugas yang tidak mencapai standard yang ditetapkan, sukatan pelajaran dan modul yang dibekalkan masih tidak digunakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran dan kekurangan refleksi selepas pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan sesuatu kurikulum agak sukar dilaksanakan kerana guru sebagai pelaksana mempunyai tanggapan dan pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut (Wina Sanjaya, 2006). Kajian turut membuktikan bahawa membangunkan kurikulum yang lengkap perlu ada usaha yang bersepadu dari semua individu yang berkepentingan seperti pensyarah, siswa guru dan pentadbir. Selain itu terdapat juga beberapa kekangan dalam pelaksanaan kurikulum dan antaranya adalah keperluan yang belum mencukupi meliputi tenaga pelaksana, bahan rujukan serta sumber kewangan. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru semester lima. Empat aspek yang dikaji iaitu faktor pemilihan, kandungan kursus, kesan kepada pembelajaran dan kepakaran pensyarah. Kajian ini dijalankan supaya dapat memberi panduan serta cadangan kepada siswa guru dalam pemilihan kursus elektif yang bersesuaian dengan tujuan pembelajaran mereka dalam pengkhususan bidang masing-masing. Ini adalah kerana setiap kursus mempunyai kelebihan dan perspektif yang tersendiri.

Tinjauan Literatur

Perkembangan pendidikan semasa menunjukkan bahawa guru harus mampu menguasai pedagogi abad ke-21 dengan baik. Untuk itu mereka harus berada selangkah ke hadapan dengan bersikap proaktif mempersiapkan diri dengan penguasaan yang mantap terhadap isi kandungan subjek yang diajar serta bertindak mengubahsuai pelbagai teknik pengajaran dan menambahbaik pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran (Nurul Nashrah, Noor Hasimah & Nur Aida, 2015) agar lebih kreatif dan inovatif (Renuka *et.al.*, 2013).

Penguasaan pengetahuan isi kandungan subjek dilihat sebagai suatu aspek yang amat penting dan merupakan asas yang paling fundamental dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia menggambarkan pemahaman guru tentang subjek yang diajar (Kleickmann *et.al.*, 2013). Pengetahuan isi kandungan subjek dilihat sebagai suatu elemen yang amat penting dalam menghasilkan keterampilan pedagogi pengajaran yang berkesan, namun kajian terdahulu lebih memberikan tumpuan terhadap aspek amalan pengajaran guru daripada aspek pengetahuan asas seseorang guru dalam mata pelajaran yang diajar (Zalipah, 2011).

Pengetahuan terhadap isi kandungan juga merupakan konstruk yang mewakili elemen yang menghuraikan tentang aspek kefahaman seseorang guru dalam subjek yang diajarnya sebelum diterjemahkan sebagai aktiviti atau proses pengajaran dan pembelajaran di kelas (Muhammad Hafizan & Anuar, 2017). Berdasarkan pernyataan ini, penguasaan pengetahuan kandungan juga membawa maksud bahawa guru perlu menguasai dan mempunyai kemahiran yang tinggi tentang topik yang akan diajar sebelum memikirkan pendekatan untuk menyampaikannya kepada pelajar (Hlas & Hildebrandf, 2010)

bagi memastikan ketepatan fakta serta kejelasan isi pelajaran yang disampaikan berdasarkan objektif pembelajaran yang dibina.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif siswa guru terhadap pemilihan kursus elektif yang ditawarkan oleh IPG Kampus Ilmu Khas terhadap siswa guru semester 5, 2017. Terdapat empat aspek yang dikaji iaitu faktor pemilihan, kandungan kursus, kesan kepada pembelajaran dan kepakaran pensyarah. Tujuh kursus yang ditawarkan adalah Gaya Hidup Sihat, Fiqh Kekeluargaan Islam, Keusahawanan, Didik Hibur Muzik, Seni Tiga Dimensi, Seni Tari Asli Malaysia dan Fotografi.

Objektif Kajian

- i. Apakah faktor utama pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru Semester 5 (Ambilan Jun 2015) di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur?
- ii. Apakah tahap kandungan kursus, kesan kepada pembelajaran dan kepakaran pensyarah bagi setiap kursus elektif yang diambil oleh siswa guru Semester 5 (Ambilan Jun 2015) di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur?
- iii. Apakah kekuatan dan cadangan penambahbaikan bagi kursus elektif yang ditawarkan kepada siswa guru Semester 5 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur?

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama kajian. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data melalui instrumen soal selidik sebagai rujukan utama. Kaedah kuantitatif dipilih kerana instrumen yang digunakan akan membolehkan pengkaji mendapat data dan maklumat yang banyak pada satu-satu masa, kos yang rendah dan mudah dikendalikan.

Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, satu set instrumen set soal selidik telah digunakan. Instrumen ini adalah instrumen untuk meninjau perspektif siswa guru terhadap pemilihan kursus elektif yang ditawarkan pada semester dua, 2017. Terdapat empat konstruk yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu faktor pemilihan, kandungan kursus, kesan kepada pembelajaran dan kepakaran pensyarah. Setiap item dijawab berdasarkan Skala Likert dengan 1. Sangat tidak setuju (STS); 2. Tidak setuju (TS); 3. Kurang Setuju (KS); 4. Setuju (S); dan 5. Sangat Setuju (SS).

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Sebelum menjalankan kajian, instrumen yang dibina telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item yang diuji. Bagi tujuan kesahan, pengkaji telah menjalankan kesahan kandungan dengan merujuk instrumen tersebut kepada empat orang pensyarah iaitu seorang daripada setiap jabatan pengkhususan yang terdapat di IPG Kampus Ilmu Khas. Teguran dan pandangan daripada empat orang pensyarah ini telah diambil kira dalam pemurnian dari segi penggunaan bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

Instrumen yang telah diuji kesahannya itu diuji pula kepada 25 orang siswa guru dari semester empat untuk menguji kebolehpercayaan item yang dibina. Setelah menguji kebolehpercayaan instrumen kajian ini, pengkaji mendapati bahawa reabiliti instrumen adalah 0.757. Oleh yang demikian, item yang dibina boleh digunakan untuk tujuan kajian ini. Setelah diperbaiki dari segi struktur ayat dan bahasa, pengkaji telah menjalankan uji semula instrumen tersebut dan dijawab oleh kumpulan siswa guru yang sama. Setelah diuji semula 25 item bagi instrumen berkenaan, didapati *cronbach's alpha* adalah pada 0.886. Pengkaji mendapati bahawa *cronbach's alpha* tersebut menghampiri 1.00 dan ini bermakna kesemua item tersebut boleh digunakan oleh pengkaji untuk mengukur setiap konstruk yang terdapat dalam kajian ini.

Analisis Data dan Perbincangan Hasil Kajian

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan berpedukan program *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22.0*. Pengkaji melaksanakan pentaksiran skor min berasaskan pentaksiran oleh Nunnally & Bernstein (1994), dengan mengintepretasikan min dalam kajian ini seperti yang berikut:

Jadual 1

Jadual penentuan min

BIL	NILAI MIN	ARAS
1	4.01 hingga 5.00	Tinggi
2	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
3	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
4	1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally, J. C. & Bernstein 1994

Jadual 2

Sampel kajian

Bil	Jantina	Sampel	Peratus
1	Lelaki	25	22.9
2	Perempuan	84	77.1
Jumlah Keseluruhan		109	100.0

Berdasarkan jadual 2, jumlah keseluruhan siswa guru yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 109 orang dengan siswa guru perempuan adalah seramai 84 orang (77.1%) dan 25 orang (22.9%) adalah siswa guru lelaki. Mereka ini terdiri daripada siswa guru dari kelas G5.1 hingga kelas G5.9.

Untuk menjawab tujuan pertama kajian iaitu apakah faktor utama pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru semester lima di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Faktor utama pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru

BIL	PERNYATAAN	min	sp
1	menyedari kerelevanan kursus berkenaan dalam perkhidmatan saya kelak.	4.27	.80
2	berminat setelah mendengar taklimat kursus dari pensyarah.	4.10	.94
3	mengikut rakan-rakan yang mengambil kursus tersebut.	2.79	.19
4	setelah berbincang dengan mentor.	2.59	.08
5	sekadar melengkapkan keperluan pengajian.	2.34	.11
6	desakan dari pensyarah di jabatan yang menawarkan kursus berkenaan.	2.04	.26

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama pemilihan kursus elektif dalam kalangan siswa guru adalah mereka menyedari kepentingan kursus yang diambil dengan catatan min 4.27 (sp=.80) dan berminat setelah mendengar taklimat dari pensyarah catatan min 4.10 (sp=.94).

Seterusnya untuk menjawab persoalan kedua kajian iaitu apakah tahap kandungan kursus, kesan kepada pembelajaran dan kepakaran pensyarah bagi setiap kursus elektif yang diambil oleh siswa guru Semester 5 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

Tahap kandungan kursus, kepakaran pensyarah bagi setiap kursus elektif dan kesan pemilihan kursus kepada siswa

Bil	KURSUS ELEKTIF	KANDUNGAN		KEPAKARAN		KESAN		SELURUH	
		min	sp	min	sp	min	sp	min	sp
1	Gaya Hidup Sihat (GHS)	4.44	0.42	4.41	0.60	2.87	0.73	3.67	0.22
2	Fiqh Kekeluargaan Islam (FKI)	4.38	0.56	4.53	0.62	2.78	0.62	3.62	0.28
3	Keusahawanan (KU)	4.34	0.38	4.33	0.54	2.94	0.75	3.60	0.21
4	Didik Hibur Muzik (DHM)	4.47	0.51	4.72	0.34	2.54	0.46	3.62	0.28
5	Seni 3 Dimensi (S3D)	4.35	0.50	4.20	0.67	2.82	0.62	3.63	0.31
6	Seni Tari Asli Malaysia (STM)	4.58	0.40	4.29	0.44	2.71	0.76	3.61	0.24
7	Fotografi (FG)	4.19	0.58	4.11	0.64	3.06	0.77	3.56	0.32
	Keseluruhan	4.39	0.47	4.39	0.58	2.83	0.68	3.63	2.26

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kandungan kursus elektif yang ditawarkan berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.39 (sp=.47). Seterusnya dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap kepakaran pensyarah berada pada tahap tinggi dengan catatan min 4.39 (sp=.58). Selain itu dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kesan keseluruhan bagi kursus elektif yang ditawarkan berada pada tahap rendah dengan catatan min 2.83 (sp=.68). Dapatan ini membuktikan bahawa pemilihan kursus elektif yang diambil tidak memberi impak yang kurang baik kepada siswa. Kenyataan ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5

Analisis item bagi aspek kesan pemilihan kursus terhadap siswa guru semester lima

BIL	PERNYATAAN	GHS		FKI		KU		DHM		S3D		STM		FG	
		min	sp	min	sp	min	sp	min	sp	min	sp	min	sp	min	sp
1	Jam interaksi bagi kursus ini terlalu banyak.	3.00	.94	2.61	.98	3.22	.94	2.85	.80	3.36	.13	2.55	.14	3.08	.10
2	Bilangan kerja kursus yang perlu dilengkapkan terlalu banyak.	2.88	.99	2.78	.26	3.11	.12	3.23	.19	3.09	.83	3.00	.26	3.50	.10
3	Memerlukan saya mengeluarkan kos kewangan yang agak besar.	2.54	.14	2.67	.37	2.78	.26	2.15	.14	2.36	.81	2.55	.13	3.17	.19
4	Mengganggu tumpuan untuk menjalani praktikum.	2.62	.30	2.56	.92	2.94	.26	1.92	.86	2.55	.21	2.64	.21	2.75	.22
5	Menjejaskan rutin kehidupan harian saya sebagai seorang pelajar.	2.38	.10	2.56	.14	2.67	.24	1.85	.69	2.00	.10	2.27	.11	2.25	.22
6	Saya berpendapat telah memilih kursus yang sesuai dengan keperluan pengajian.	4.23	.95	2.56	.75	3.89	.58	4.15	.80	4.18	.60	4.09	.94	4.50	.52
7	Jika diberi pilihan, saya bercadang mahu menukarkan kursus ini dengan kursus yang lain.	2.46	.39	2.00	.13	2.00	.13	1.62	.96	2.18	.98	1.91	.14	2.17	.27

Berdasarkan Jadual 5, secara umumnya pemilihan kursus elektif tersebutlah tidaklah membebankan siswa guru. Dalam aspek jam interaksi, hanya tiga kursus yang mencatatkan min melebihi 3.00 iaitu Gaya Hidup Sihat, Keusahawanan dan Fotografi. Ini bermakna siswa guru tidak terbeban dengan jumlah jam interaksi kursus empat kursus yang lain iaitu Fiqh kekeluargaan Islam, Didik Hibur Muzik, Seni Tiga dimensi dan Seni Taris Malaysia. Seterusnya Kursus Fotografi mencatatkan min 3.50 iaitu menunjukkan bahawa bilangan kerja kursus yang perlu dilengkapkan terlalu banyak dan memerlukan kos yang agak besar (min 3.17; sp= .19). Walaupun siswa guru sedang mengikuti praktikum pada semester lima, dapatan kajian menunjukkan bahawa pemilihan kursus elektif ini tidak mengganggu tumpuan praktikum dengan semua kursus mencatatkan min antara 1.92 – 2.94 sahaja.

Untuk menjawab persoalan ketiga kajian iaitu apakah kekuatan dan cadangan penambahbaikan bagi kursus elektif yang ditawarkan kepada siswa guru Semester 5 di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, dapatan kajian melalui item respon terbuka yang dijawab oleh siswa guru telah dirumuskan seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6

Kekuatan dan cadangan penambahbaikan kursus elektif menurut perspektif siswa guru

Bil	JABATAN	KEKUATAN	PENAMBAHBAIKAN
1	Gaya Hidup Sihat	kursus yang sangat menarik dan banyak input baharu diperolehi.	perlu banyakkkan aktiviti luar.
2	Fiqh Kekeluargaan Islam	kandungannya sangat berguna dalam kehidupan seharian.	lebihkan isu supaya memberi lebih manfaat kepada siswa.
3	Keusahawanan	mampu menerapkan nilai keusahawanan dalam kalangan siswa.	siswa junior perlu ambil kursus ini dan lebihkan kepada aktiviti luar.
4	Didik Hibur Muzik	Umumnya; tidak begitu praktikal untuk diamalkan di sekolah.	kurangkan sedikit kerja kursus.
5	Segi Tiga Dimensi	sangat menarik dan mampu diaplikasikan dalam kehidupan seharian.	siswa junior perlu mengambil kursus ini dan ia sangat menarik dengan adanya 3D.
6	Seni Tari Malaysia	memberi pendedahan pelbagai jenis tarian di Malaysia.	perlu ambil jurulatih luar dan kurangkan sedikit jenis tarian yang perlu dipelajari (16 jenis, terlalu banyak).
7	Fotografi	berjaya meningkatkan kreativiti dalam kalangan siswa.	siswa yang ingin mengambil kursus ini perlu mempunyai kamera sendiri; kamera di JTP tidak mencukupi; adakan pertandingan.

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian melalui item respon terbuka yang dijawab oleh siswa guru, terdapat kekuatan bagi setiap kursus elektif yang ditawarkan. Namun begitu terdapat juga ruang yang masih boleh dibuat penambahbaikan bagi setiap kursus elektif tersebut.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat kursus tertentu seperti Gaya Hidup Sihat; Keusahawanan; dan Segi Tiga Dimensi dicadangkan untuk diteruskan dengan memberikan pertimbangan terhadap pelaksanaan aktiviti seperti yang disyorkan. Bagi Kursus Seni Tari Asli Malaysia, adalah dicadangkan agar bilangan tarian yang perlu dipelajari perlulah dikurangkan. Ini kerana dalam jangka masa yang singkat, siswa guru terpaksa mempelajari 16 tarian, sedangkan kursus tersebut hanyalah kursus elektif sahaja. Selain itu, kursus ini juga memerlukan tenaga pengajar yang berkemahiran dalam bidang tarian berkenaan. Ini selaras dengan kajian oleh Kleickmann et.al., (2013) iaitu penguasaan pengetahuan isi kandungan subjek dilihat sebagai suatu aspek yang amat penting dan merupakan asas yang paling fundamental dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan keseluruhan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa siswa guru memilih kursus elektif ini berdasarkan kesedaran mereka terhadap kepentingan kursus berkenaan dalam kerjaya dan kehidupan mereka. Selain itu faktor minat juga menyebabkan kursus tersebut menjadi pilihan kepada siswa guru. Ini juga selaras dengan kenyataan Kemp (2010) bahawa setiap guru perlulah menguasai dan berminat dengan subjek yang diajar.

Seterusnya dapat juga dirumuskan bahawa pemilihan kursus yang diambil oleh siswa guru tidaklah memberi kesan yang besar kepada tumpuan mereka terhadap pelaksanaan praktikum. Dalam masa yang sama, cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh siswa guru perlulah diberikan pertimbangan yang sewajarnya agar penawaran kursus elektif kepada siswa guru yang berikutnya dapat memberi impak yang maksima kepada pembelajaran mereka.

Rujukan

- Ahmad Rahim & Sidek Said. (2013). *Pelaksanaan kurikulum sejarah menengah rendah di Malaysia-Satu penilaian*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu.
- Amiza Yaman, Noremy Che Azemi & Fadzlida Shamsudin. (2012). *Kesediaan pensyarah dalam peraksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan pendekatan outcome based education (OBE) di Politeknik Port Dickson*. Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Port Dickson.
- Hlas, A. & Hildebrandf, S. (2010). Demonstrations of pedagogical content knowledge: *Spanish Liberal Arts and Spanish Education majors' writing*. *L2 Journal*, 2, 1-22.
- Nunnally, J.C. & Bernstein, I.H. (1994). The Assessment of Reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Transformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025*. Institut Pendidikan Guru Malaysia. Cyberjaya.
- Kemp. (2010). Eco-innovation: Definition, measurement and open research issues. *Economia Politica. Societa Editrice il Mulino*, 3. 297-316.
- Kleickmann, T., Richter, D., Kunter, M., Elsner, J., Besser, M. et al. (2013). Teachers' content knowledge and pedagogical content knowledge: The role of structural differences in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 64(1), 90-106.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. (2017). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru- guru Sejarah. *International Conference on Global Education V "Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity"*, 2457-2473.
- Noraini Idris, Loh Sau Cheong, Norjoharuddeen Mohd. Nor, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Rahimi Md. Saad. (2007). The professional preparation of Malaysian Teachers in the implementation of teaching and learning of mathematics and science in English. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 3(2), 101-110.

- Nurul Nashrah Salehudin, Noor Hasimah Hassan & Nur Aida Abdul Hamid. (2015). Matematik dan kemahiran abad ke-21: Perspektif pelajar. *Mathematic Education Journal*, 3 (1), 24-36.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2013). *Kesan penggunaan sumber digital terhadap amalan pemikiran Sejarah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salehudin Sabar & Mahadi Hj. Khalid. (2005). Kertas konsep faktor-faktor graduan bekerja memilih kursus perguruan lepas ijazah pengkhususan sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 6. 35-52.
- Scantlebury. K. (2009). Gender bias in teaching. *Journal of Research in Science Teaching*, 41(10), 961-969.
- Sharifah & Subahan. (2007). *Cabaran dan isu dalam perancangan dan pembangunan kurikulum persekolahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wina Sanjaya. (2006). *Strategi pembelajaran*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Zalipah Zakaria. (2011). *Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) guru biologi permulaan dan berpengalaman: satu kajian kes*. Tesis sarjana tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.